



جَابَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْجُورِ  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR  
Tingkat 1, Menara Selatan,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,  
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600  
Faks : 03-5510 3368  
Laman Web : www.jais.gov.my  
Emel : info@jais.gov.my



Ruj. Kami : JAI.Sel.BKP/07/018/02JId.9 ( 87 )  
Tarikh : 20 Mei 2020

## KENYATAAN MEDIA

### TIADA TRANSAKSI ZAKAT FITRAH DIBENARKAN DI MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI SELANGOR DI PAGI RAYA IDULFITRI 1441H/2020M

SHAH ALAM, 20 Mei 2020 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ingin memaklumkan bahawa **tiada** transaksi pembayaran Zakat Fitrah dibenarkan di semua masjid dan surau di Negeri Selangor pada pagi hari raya 1441H/2020M. Ketetapan ini dilakukan bagi memastikan bahawa tiada orang awam berada di sekitar dan di ruang solat masjid dan surau ketika Solat Sunat Idulfitri berjalan kecuali pegawai yang telah ditetapkan oleh JAIS. Justeru, sebagai langkah dan usaha mengawal sebarang kejadian yang boleh menyebabkan penularan wabak COVID-19, berdasarkan wujudnya *trend* masyarakat Islam sebelumnya yang bersesak-sesak menunaikan Zakat Fitrah di saat akhir pada pagi Hari Raya sebelum Solat Sunat Idulfitri.

Sehubungan dengan itu, umat Islam yang dikira wajib membayar Zakat Fitrah pada malam Hari Raya Idulfitri **HENDAKLAH** melunaskan kewajipan membayar Zakat Fitrah masing-masing dengan kadar **SEGERA** bagi mengelakkan diri masing-masing dari terlepas daripada menunaikan kefardhuan ini.

Bayaran Zakat Fitrah bolehlah dibuat samada secara *on-line* atau melalui Amil yang dilantik, di lokasi dan pada waktu yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Lembaga Zakat Selangor untuk mengenalpasti cawangan Lembaga Zakat Selangor yang berhampiran atau kaedah untuk melunaskan bayaran Zakat Fitrah anda.

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Selangor

20 Mei 2020

CEKAP, CEPAT DAN BERKUALITI



MS ISO 9001:2008  
BERKUALITI DAN BERKUALITI